

CNS4590

R GB 09-03 00185 BH463

bah

Annuar - Sultan

ANNUAR: PM TIDAK MEMPERTIKAIKAN KESAHIHAN PERTABALAN SULTAN KELANTAN

KOTA BAHARU, 9 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mempertikaikan kesahihan pertabalan Sultan Kelantan, sebaliknya menasihati baginda supaya tidak mengamalkan sikap mempertikaikan kesahihan persidangan Parlimen untuk meminda perlembagaan, kata Menteri Delia dan Sukan, Senator Datuk Annuar Musa.

Perdana Menteri tidak mempunyai niat buruk kepada Sultan Kelantan, katanya kepada para pemberita di rumahnya di Bukit Marak, petang ini.

Annuar, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik Timbalan Menteri Besar Haji Rozali Isohak sebagai berkata bahawa kenyataan Perdana Menteri mempertikaikan kesahihan pertabalan Sultan Kelantan di Parlimen semalam sebagai sangat tidak bertanggungjawab.

Annuar berkata Rozali tidak harus menyalah tafsir ucapan Dr Mahathir itu, dan berharap beliau merujuk semula kepada ucapan berkenaan.

Beliau berkata: "Perdana Menteri tak pertikaikan pertabalan Sultan Kelantan, tapiapa yang dinyatakan, jikalau Sultan Kelantan amalkan sikap mempertikaikan dewan, adapihak juga boleh mempertikaikan perkara seperti kemungkinan pertabalan Sultan Kelantan itu sah atau tidak." -- Lagi

▼09/03/21-16MST.

CNS4593

R GB 09-03 00187 BH464

bah

Annuar - Sultan 2 (Akhir) Kota Baharu

"Jika kita ambil sikap mempertikaikan yang umum sudah tahu dengan jelas bahawa ia sah, seolah-olah kita mengundang masalah yang akhirnya menyusahkan diri."

Annuar juga kesal dengan pihak istana Kelantan yang memberi arahan secara langsung melarang dua buah hotel milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) iaitu Hotel Perdana dan Perdana Resort supaya jangan membenarkan sebarang majlis atau mesyuarat membabitkan menteri kerajaan pusat diadakan di hotel berkenaan.

Katanya beliau terkejut dengan langkah itu kerana majlis berbuka puasa bersama kira-kira 200 orang ketua cawangan UMNO Bahagian Nilam Puri dan pemimpin masyarakat yang dijadualkan di Hotel Perdana petang ini, terpaksa dibuat di bangunan UMNO di sini kerana hotel berkenaan tidak membenarkannya, walaupun sudah ditempah.

Annuar berkata pegawainya menempah hotel itu untuk majlis berbuka puasa pada Sabtu lepas, tetapi pada Ahad pihak hotel memberikan jawapan bahawa ia tidak dibenarkan.

Katanya arahan baru itu dikeluarkan oleh pihak istana kepada pentadbiran hotel itu, tanpa diketahui oleh kerajaan negeri pimpinan PAS.

Annuar berkata beliau akan memaklumkan kepada mesyuarat kabinet perkara itu. -- Bernama